

## **DERAF SPESIFIKASI PIAWAIAN DAN GRED KOMODITI HALIA MUDA**

### 1. SKOP

Spesifikasi piawai dan gred ini adalah untuk halia muda *Zingiber officinale* Roscoe dari famili Zingiberaceae.

### 2. DEFINISI TERMA

Bagi tujuan spesifikasi tersebut, terma-terma yang di gunakan akan bermaksud:

- 2.1 Halia muda - halia yang di tuai berumur antara 4 setengah hingga 7 bulan. Biasanya masih berbatang tetapi telah di potong semasa tuaian di ladang.
- 2.2 Bersih - telah di basuh, bersih dari tanah sehingga jelas kelihatan permukaan kulit rizom. Tidak kelihatan kotor. Batang dipotong kemas tidak melebihi 5sm panjang Manakala akar tidak melebihi panjang 3sm
- 2.3 Terpangkas (Trim)–Pembuangan tunas atau rizom yang terlalu rapat atau bersentuhan supaya tidak menampong tanah atau bahan asing di celahnya
- 2.4 Segar - halia yang umumnya mempunyai tekstur isi yang tegar (firm) dan tidak kecut. Warna rizom kuning keputihan, manakala batangnya berwarna hijau dan merah jambu
- 2.5 Kehijauan- Rizom halia berwarna hijau
- 2.6 Kecacatan-Halia yang mempunyai tanda-tanda yang menjejaskan persembahan termasuk kotor dan cacat rupa
  - 2.6.1 Kotor- tanah atau bahan asing yang terdapat di celah tunas atau rizom kerana tidak terpangkas.
  - 2.6.2 Cacat-rupa- tanda-tanda yang mencatatkan rupa iaitu panjang akar melebihi 3sm atau panjang batang melebihi 5sm dari pangkal.
- 2.7 Rosak - kecederaan akibat berikut yang akan menjejaskan jangkahayut simpanan dan persembahan di sebabkan oleh pengendalian, penyakit atau serangan serangga :
  - Luka atau pecah pada permukaan rizom
  - Kesan geseran atau lebam (bruises) melebihi 0.5sm garis pusat meliputi 20% permukaan rizom.
  - Lubang besar garis pusat dan dalam > 0.5 sm pada rizom

- Kesan serangan penyakit pada rizom di sebabkan organisma mikro seperti kulat,lembik serta berair/berlendir bila dipicit.
- Kerosakan pada batang seperti patah layu atau berlubang kerana korekan serangga

### 3. KEPERLUAN MINIMA

- 3.1 Mesti dari kategori halia muda yang umumnya kelihatan bersih dan terpangkas  
 Rizom bebas dari kehijauan
- 3.2 Agak lembut di picit tetapi tidak ada tanda kecut pada rizom.Agak bebas dari rosak dan kecacatan.

### 4. PENGELASAN GRED DAN SAIZ

- 4.1 Halia muda boleh di kelaskan kepada 3 gred yang berikut, bergantung kepada keadaan halia dan ciri-ciri berikut.

GRED	SPESIFIKASI	KELONGGARAN
Premium	Halia muda yang umumnya kelihatan seragam dari segi saiz Ia hendaklah segar, bersih dan terpangkas.Tidak rosak dan bebas dari kecacatan.	Keseragaman saiz 5% Segar 5% Rosak 5% Kecacatan 5%
1	Halia muda yang umumnya agak seragam dari segi saiz.Ia hendaklah segar, bersih dan terpangkas.Tidak rosak dan agak bebas dari kecacatan.	Keseragaman saiz 10% Segar 5% Rosak 5% Kecacatan 10%
2	Halia muda yang umumnya agak seragam dari segi saiz.Ia hendaklah agak segar, bersih dan terpangkas.Agak bebas dari rosak dan kecacatan.	Keseragaman saiz 10% Segar 10% Rosak 10% Kecacatan 10%

- 4.2 Bagi halia muda, saiz di tentukan oleh berat dalam unit gram sepertimana jadual berikut;

SAIZ	KOD	BERAT (GRAM)
Besar	L	>300
Sedang	M	>200-300
Kecil	S	100-200

## 5 PEMBUNGKUSAN DAN PERLABELAN

### 5.1 Pembungkusan

- 5.1.1 Halia muda dari gred yang sama hendaklah di bungkus menggunakan bekas yang sesuai supaya dapat memberi perlindungan yang optima daripada kerosakan semasa pengendalian dan pengangkutan.

- 5.1.2 Berat bersih yang dibenarkan bagi satu unit pembungkusan ialah tidak melebihi 30 kg.

### 5.2 Perlabelan.

Tiap-tiap unit pembungkusan hendaklah dilabel yang mengandungi maklumat berikut:

- 5.2.1 Tarikh
- 5.2.2 Nama/Kod Penanam
- 5.2.3 Nama/Kod Pengeksport
- 5.2.4 No. Kad Pengenalan
- 5.2.5 No. Pendaftaran Syarikat
- 5.2.6 Alamat
- 5.2.7 Komoditi
- 5.2.8 Berat Bersih
- 5.2.9 Gred

## 6.0 6.0 PERSAMPELAN

Bilangan sampel dan kaedah persampelan bagi tujuan pemeriksaan adalah berdasarkan kepada M.S.1187 Method of Sampling Fresh Vegetables atau kaedah statistik yang dipersetujui.

**Bilangan sampel mengikut berat**

<u>Nilai selang (gm)</u>	<u>Bilangan</u>	<u>%</u>
<100	387	38.7
100 – 200	414	41.4
>200 – 300	127	12.7
> 300	72	7.2
Jumlah	1000	100

**Bilangan sampel halia muda mengikut ciri-ciri**

(jumlah sampel 1000)

<u>Ciri</u>	<u>Bil. Sampel</u>	<u>%</u>
Rosak		
Rosak rizom		
Luka	28	2.8
Lubang besar	97	9.7
Penyakit	105	10.5
Cedera geseran	337	33.4
Rosak batang	207	20.7
Tidak segar	19	19
Cacat		
Kotor	382	38.2
Berakar	319	31.9